

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

DATE: 01 / 10 / 2007

Dr Mahathir semakin sihat

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad yang menjalani pembedahan membersihkan luka di Institut Jantung Negara (IJN) Sabtu lalu semakin sihat dan mula menikmati makanan seperti sup ayam, roti, telur rebus, dadih dan kopi.

Selera makan bekas Perdana Menteri itu yang bertambah juga memberi petanda baik bagi beliau menambah tenaga untuk pulih.

Anaknya, Datin Paduka Marina berkata, beliau sekeluarga sering mencari idea untuk menambah selera makan ayahnya yang kini masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) supaya mengambil makanan berkalori tinggi bagi membina semula kekuatan badannya.

"Sarapan pagi tadi, ayah sungguh berselera apabila makan dua keping roti, dua biji telur rebus, secawan dadih dan kopi.

"Sup ayam, buah dan taufu fa menjadi hidangan ayah waktu tengah hari," katanya dalam laman blog yang juga sumber rasmi perkembangan kesihatan Dr Mahathir.